

14/03/1998

Kubang Kerian tidak ditanding

Nasir Hassan; Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Badan Perhubungan Umno Negeri Kelantan memutuskan jawatan Ketua Umno Bahagian Kubang Kerian tidak dipertandingkan pada pemilihan bahagian itu dan diserahkan kepada Pemangku Ketua Umno bahagian, Tuan Hashim Tuan Yaakob.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Annuar Musa, berkata keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri yang dipengerusikan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, dua hari lalu.

Menurutnya, berikutan keputusan itu, Badan Perhubungan bersetuju untuk menyerahkan jawatan Timbalan Ketua kepada Ahli Dewan Undangan (Adun) Salor, Ahmad Rosli Iberahim.

Mesyuarat itu juga mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Tumpat yang kini disandang Datuk Kamaruddin Jaafar dan Mansor Salleh sebagai timbalannya.

Sebelum ini, kedudukan bahagian itu menimbulkan kesamaran di kalangan ahli apabila Mansor menyerahkan jawatan sebagai ketua bahagian kepada Kamaruddin, sebelum MT Umno mengumumkan jawatan itu tidak dipertandingkan di semua bahagian di Kelantan.

Difahamkan keputusan itu sudah disahkan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti, dipengerusikan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Menurut Annuar, keputusan itu dibuat oleh Presiden parti selaras keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno bahawa jawatan Ketua Bahagian di Kelantan tidak dipertandingkan.

"Keputusan ini juga (yang disifatkan) sebagai arahan daripada Presiden parti (Dr Mahathir) yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

"Langkah ini adalah usaha untuk mengukuhkan perpaduan dalam parti khususnya Umno dalam bahagian Kubang Kerian," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Sebelum ini, MT memutuskan bekas Ketua Umno bahagian Kubang Kerian, Mat Zain Awang dilucutkan daripada bertanding sebarang jawatan termasuk jawatan Ketua Bahagian.

Tindakan itu diambil berikutan Mat Zain dikatakan enggan menerima keahlian bekas ahli dari Parti Melayu Semangat 46 (S46) dalam bahagian itu.

Ahmad Rosli sebelum ini disebut-sebut mahu merebut jawatan ketua bahagian itu apabila ia dikosongkan oleh Mat Zain yang dilucutkan jawatan sebagai Ketua Bahagian.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, persetujuan memberi jawatan Timbalan Ketua Bahagian kepada Rosli adalah mengisi tempat yang dikosongkan Tuan Hashim sebelum ini.

Menurutnya, semua ahli Umno dalam bahagian itu seharusnya akur dengan keputusan yang dibuat oleh Presiden parti.

"Apa yang penting seluruh ahli parti perlu memberi kerjasama dan mematuhi arahan daripada Presiden yang mahu melihat Umno terus kukuh. Kita harap semua pihak dapat menerimanya dengan hati terbuka demi keutuhan parti dan seluruh ahli perlu terus bersatu padu," katanya.

(END)